

UMS meterai persefahaman dengan dua universiti di Turki

UB 15.06.2022 P.08

ISTANBUL: Hubungan akrab sedia terjalin antara Malaysia dan Turki sejak sekian lama terus dimanfaatkan oleh Malaysia dalam meneroka kerjasama khususnya dalam bidang pengajian tinggi antara kedua-dua negara.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata, pihak kementerian sentiasa menyokong usaha institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia untuk mengadakan kerjasama dalam bidang akademik, pertukaran pelajar dan kakitangan, mahupun dalam aktiviti penyelidikan.

"Kerjasama dua hala antara IPT kedua-dua negara bukan sahaja bakal meningkatkan keterlihatan universiti-universiti di Malaysia di peringkat antarabangsa, malah turut berpotensi untuk menarik kehadiran pelajar antarabangsa ke Malaysia, serta mampu untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Yildiz Technical University (YTU) dan Marmara University (MU), di sini semalam.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin memaklumkan bahawa MoU yang ditandatangani bersama YTU merupakan kerjasama dalam aktiviti pertukaran pelajar dan kakitangan di bawah program Erasmus, kerjasama dan penyelaras projek penyelidikan bersama, penganjuran aktiviti pembangunan kurikulum pelajar seperti persidangan



KENANGAN: Taufiq (kiri) dan Tamer (kanan) saling bertukar dokumen MoU dengan disaksikan Noraini (tengah).

akademik, syarahan, kursus latihan pendek khas, seminar serta simposium.

"Melalui MoU tersebut kedua-dua universiti akan berkongsi Geran Mobiliti Erasmus yang sepadan untuk menaja sekurang-kurangnya pertukaran tiga orang pelajar selama satu semester, tiga pensyarah universiti untuk pertukaran staf akademik dan tiga staf pentadbir selama lima hari setiap seorang.

"Tajuk penyelidikan bersama atau geran padanan yang akan dirancang adalah berkenaan kebolehpasaran siswazah, serta kesedianan siswazah untuk tenaga kerja.

"Penyelidikan ini mengkaji pengaruh faktor akademik dan kemahiran insaniah terhadap kebolehpasaran graduan pelajar pengajian tinggi di Malaysia dan Turki," katanya.

Taufiq mewakili UMS menandatangani perjanjian tersebut, manakala YTU diwakili Rektor, Prof. Dr. Tamer Yilmaz.

Bagi perjanjian bersama MU pula, Taufiq berkata kerjasama bakal menumpukan

program mobiliti pelajar bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dengan pendedahan kepada aspek budaya, ekonomi, politik, akademik dan seterusnya pembangunan minda pelajar.

"Melalui program mobiliti staf di bawah program Erasmus pula secara tidak langsung memberi latihan dan meningkatkan kemahiran staf dalam pengajaran, penyelidikan dan pembangunan universiti sekali gus mempromosi UMS di peringkat antarabangsa.

"MoU dengan universiti ini juga menyaksikan Geran Mobiliti Erasmus sekurang-kurangnya bakal memberi faedah kepada tiga pelajar bagi program pertukaran pelajar selama satu semester, masing-masing tiga staf akademik dan pentadbir bagi tempoh lima hari," kata Taufiq.

Beliau menambah, kolaborasi lain yang dirancang ialah projek penyelidikan bersama bertajuk 'Peranan dan kesan gaji minimum dalam pemulihian ekonomi pasca pan-

demik: Kajian perbandingan Malaysia dan Turkiye'.

"Kajian ini bertujuan untuk mengupas isu dan persoalan tentang sejauh mana pelaksanaan gaji minimum dapat mengurangkan peningkatan kemiskinan dan ketidaksamaan pendapatan di Turki dan Malaysia, serta bagaimana ia dapat menyumbang kepada kestabilan ekonomi, pemulihian keduadua negara terutamanya pada ketika dunia masih berdepan dengan penularan pandemik COVID-19," katanya.

Acara menandatangani perjanjian itu menyaksikan Geran Mobiliti Erasmus sekurang-kurangnya bakal memberi faedah kepada tiga pelajar bagi program pertukaran pelajar selama satu semester, masing-masing tiga staf akademik dan pentadbir bagi tempoh lima hari," kata Taufiq.

Ujar Taufiq, kerjasama bersama kedua-dua universiti tersebut merupakan satu usaha UMS untuk meneruskan momentum peningkatan peratus kebolehpasaran graduan UMS yang telah mencatatkan peratusan sebanyak 96.2 peratus pada tahun lalu berbanding 92.02 peratus pada tahun sebelumnya. *